

SIARAN AKHBAR

S.A. 2025/12/22_21 (HQ)

TNB MEMPERKUKUH STRUKTUR KEPIMPINAN DEMI TADBIR URUS, PEMBANGUNAN BAKAT DAN PRESTASI YANG LEBIH MANTAP

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperkemas struktur kepimpinan dan korporatnya sebagai sebahagian daripada komitmen berterusannya dalam memperteguh tadbir urus; memacu perniagaan dengan lebih cekap ke arah prestasi mampan dan terus berdaya tahan dalam landskap tenaga yang semakin kompleks.

Penambahbaikan kepimpinan ini mencerminkan komitmen padu TNB terhadap tadbir urus dan perancangan penggantian, bagi memastikan Syarikat sentiasa bersedia menghadapi masa hadapan dengan dukungan barisan kepimpinan yang mantap untuk terus melaksanakan tanggungjawab nasionalnya.

Sebagai sebahagian daripada penambahbaikan ini, TNB memperkenalkan dua jawatan kepimpinan kanan iaitu Ketua Pegawai Kanan Rangkaian (Senior Chief Network Officer - SCNO) dan Ketua Pegawai Kanan Strategi dan Kelestarian (Senior Chief Strategy & Sustainability Officer - SCSSO) bagi memastikan fokus yang lebih tersusun, memperkukuh akauntabiliti serta membezakan dengan jelas antara perancangan strategik dengan pelaksanaan operasi.

Struktur yang diperkemas ini membolehkan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif memimpin organisasi secara menyeluruh dengan lebih teratur, sambil memberi ruang dan tanggungjawab yang jelas kepada barisan kepimpinan kanan untuk memacu prestasi, perubahan serta nilai jangka panjang.

Di bawah struktur baharu ini, SCNO akan menyelia sebahagian besar pelaksanaan dan pengurusan, dengan tanggungjawab yang jelas terhadap prestasi operasi, keandalan rangkaian dan daya tahan sistem. Pendekatan ini membolehkan tumpuan utama diberikan kepada mandat teras TNB, iaitu memastikan bekalan elektrik yang selamat, boleh dipercayai dan berdaya harap untuk negara.

Sementara itu, SCSSO menyatukan fungsi strategi, kelestarian dan perancangan jangka panjang di bawah satu kepimpinan bersepadu. Pendekatan ini memperkukuh keselarasan strategik, mempertingkatkan komunikasi dengan pihak berkepentingan serta memastikan aspek kelestarian diterapkan sepenuhnya dalam semua keputusan jangka panjang dan hala tuju perniagaan TNB.

Dengan menggariskan dengan jelas akauntabiliti kepimpinan antara pelaksanaan dengan strategi, TNB memperteguh amalan tadbir urus yang baik, menambah baik penyelarasan rentas organisasi serta memperkemas keselarasan antara perancangan jangka panjang dengan operasi harian. Struktur ini juga menyokong proses pengurusan penggantian yang

lebih mantap melalui pembangunan barisan kepimpinan berkeupayaan tinggi serta memastikan kesinambungan di peringkat kepimpinan kritikal.

Pemantapan kepimpinan ini juga menunjukkan bahawa TNB memiliki barisan bakat dalaman yang kukuh, dan komitmennya dalam membangunkan pemimpin yang berkeupayaan mengemudi peralihan tenaga, mengurus kerumitan dan menerajui transformasi berskala besar. Ia turut menegaskan fokus TNB dalam membina barisan kepimpinan yang mampan bagi menyokong kelangsungan organisasi dalam jangka panjang.

Penambahbaikan ini menyokong pelaksanaan TNB RT2.0 (Reimagining TNB 2.0), iaitu pelan hala tuju strategik syarikat bagi mentransformasikan sistem tenaga Malaysia ke arah yang lebih mampan, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa hadapan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang tahun 2050.

Secara keseluruhan, perubahan ini dirancang untuk memperkukuh keberkesanan organisasi, memperteguh proses penggantian serta memastikan TNB kekal berada pada kedudukan yang kukuh untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai sebuah syarikat utiliti nasional, di samping menyokong matlamat tenaga dan kelestarian negara dalam jangka panjang.

Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.3GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 September 2025, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 22 Disember 2025, jam 10:30 pagi

*Untuk pertanyaan media, hubungi: Hanim Idris – 019-2617617 / Grace Tan – 016-6626229 /
Haikal Jalil – 012-2270161 / Faiq Haikal – 013-3889606
atau e-mel kami di: media@tnb.com.my*



Ir. Mahathir Nor Ismail has been appointed as TNB Senior Chief Network Officer (SCNO), effective 1 January 2026.



Dato' Ir. Muhamad Nazri Pazil has been appointed as TNB Senior Chief Strategy & Sustainability Officer (SCSSO), effective 1 January 2026.